

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003**

SEPTEMBER 2001

RHS 503 – REKABENTUK PERUMAHAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan.

1. 'Terdapat beberapa ciri perancangan dan rekabentuk unik dalam sesebuah perkampungan tradisional Melayu'.

Huraikan kenyataan di atas.

(20 markah)

2. Terangkan dengan ringkas bagaimana faktor pengaruh agama diambilkira dalam pembinaan rumah tradisional Melayu.

(20 markah)

3. Bagaimanakah hubungkait reka bentuk rumah dan iklim persekitaran dapat diintegrasikan dalam sesuatu rekaan?

(20 markah)

4. Reka bentuk rumah tradisional Melayu adalah manifestasi optimisasi sumber, responsif pada persekitaran dan teknologi yang fleksibel. Bincangkan.

(20 markah)

5. Bincangkan sejauh manakah kelebihan dan kekurangan reka bentuk perumahan tradisional Melayu berbanding dengan reka bentuk perumahan moden.

(20 markah)

- 2 -

6. Jelaskan dan nyatakan ciri-ciri perumahan moden mengikut aspek-aspek berikut:

1. Perancangan tapak
2. Perancangan bangunan
3. Kawalan pemajuan

(20 markah)

7. “Perancangan infrastruktur bagi sesebuah projek perumahan melibatkan penelitian lokasi dan persekitaran tapak”

Bincangkan pernyataan di atas.

(20 markah)

- ooo0ooo-